


[Utama](#) [Terkini](#) [Berita](#) [Suara Sinar](#) [Sinar Islam](#) [Podcast Khas](#) [Video](#) [Berita Premium](#)

Selasa | 10 Mac 2026

Sinar
Harian

Untuk Anda

PRN

Sinar Daily

SinarPlus

Sinar Bestari

Pop Family

Sinar Varsity

E-Paper

Langgan

- IKLAN -


News Hub

BERITA [Follow](#) > Nasional [Follow](#)

Lebih RM13 bilion Wang Tak Dituntut direkod setakat Januari – Akauntan Negara

07 Mac 2026 05:49pm

Masa membaca: 2 minit



Zainani memaklumkan, pihaknya tidak pernah melantik mana-mana ejen atau sebagai wakil JANM untuk menuntut wang bagi pihak penuntut.

A- A A+



Bila perang ini akan berakhir?



'Dapat bendung kenaikan harga'



Cabaran besar kemajuan wanita



Bekas Perdana Menteri pun pindah negara



'Saya mahu bawa keluarga keluar dari sini'

LAGI >

UNDIAN PEMBACA

Adakah anda seorang yang sudah mahir dengan AI?

- ☐ Ya, mahir
☐ Kurang mahir
☐ Tidak mahir
☐ Tidak tahu





TANAH MERAH - Jabatan Akauntan Negara (JANM) merekodkan lebih RM13 bilion Wang Tak Dituntut (WTD) setakat 31 Januari lepas, kata Akauntan Negara, Datuk Zainani Jusoh.

Beliau berkata, daripada jumlah itu RM7 bilion masih kekal berada dalam akaun amanah tak dituntut manakala selebihnya pula telah dilaraskan ke dalam akaun hasil disatukan kerana tidak dituntut oleh pemilik atau waris dalam tempoh 10 tahun.

"Namun begitu, wang yang dilaraskan ke dalam akaun hasil disatukan akan dibayar balik sekiranya ada permohonan tuntutan daripada pemilik atau waris," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kampung Angkat Madani (KAM) JANM di Kampung Bukit Merah di sini pada Sabtu.

Zainani berkata, pihaknya juga tidak pernah melantik mana-mana ejen atau sebagai wakil JANM untuk menuntut wang terbabit bagi pihak penuntut.

"Selain mengadakan aktiviti disetiap program atau karnival anjuran kerajaan, kita juga turut menyediakan sebuah bas bergerak yang akan jelajah ke seluruh negeri untuk memudahkan urusan orang ramai menyemak wang yang tak dituntut," katanya.

Mengulas mengenai KAM di Kampung Bukit Merah, Zainani berkata program ini merupakan kesinambungan projek yang bermula pada 2024 di Nanga Tebat, Lubok Antu, Sarawak dan diikuti pada 2025 di Kampung Minyak Beku, Batu Pahat, Johor.



'Anak orang kaya tapi beradab tinggi...



3 hari hilang, mayat dipercayai...



Rahsia kekuatan isteri, Siti Elizad kong...



500 pek bubur lambuk & sumbangan...



LARRIE & Visit Malaysia 2026 anjur iftar...



Belasungkawa: Pemergian Syed Muhammad...



Bukan alasan tetapi kekuatan



Permohonan pendidikan percuma 10,00...



UPKK 2025: Tidak melihat, tetap ke...



UPKK 2025: Tidak melihat, tetap ke...

Powered by GilaStudios





Utama Terkini Berita ▾ Suara Sinar ▾ Sinar Islam ▾ Podcast Khas ▾ Video ▾ Berita Premium

Untuk Anda

"Pada 2026, Kampung Bukit Merah di Tanah Merah, Kelantan telah diluluskan sebagai KAM JANM oleh Kementerian Kewangan dan bakal dinaik taraf menerusi peruntukan sebanyak RM500,000.

"Dengan peruntukan yang diluluskan, maka kerja-kerja naik taraf dapat dilaksanakan dengan terancang dan cekap supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.

"Antara projek naik taraf kemudahan yang dibincangkan adalah pembaikan kemudahan dan infrastruktur Masjid Al Iktikaf Ibnu Sina, Masjid Iktikaf Pakteh, pembelian kabin untuk pasukan Rukun Tetangga, baik pulih jalan kampung, pembesaran longkang, pemasangan lampu solar jalan dan pembaikan saluran air," katanya. - *Bernama*

Artikel Berkaitan:

- [Tanah Merah, Kuala Krai dan Gua Musang jajahan terbaharu dilanda banjir](#)
- [Peruntukan lebih RM2 bilion perkukuh kesalinghubungan di Sabah - MCMC](#)
- [1MDB: Kerajaan sudah peroleh semula aset tambahan bernilai lebih RM1 bilion](#)

Ringkasan AI

- Jabatan Akauntan Negara merekodkan lebih RM13 bilion Wang Tak Dituntut setakat 31 Januari lepas RM7 bilion masih kekal dalam akaun amanah tak dituntut manakala selebihnya telah dilaraskan ke akaun hasil disatukan Wang yang dilaraskan akan dibayar balik jika ada permohonan tuntutan daripada pemilik atau waris JANM tidak pernah melantik mana-mana ejen untuk menuntut wang bagi pihak penuntut dan menyediakan bas bergerak untuk memudahkan urusan semakan Kampung Bukit Merah di Tanah Merah, Kelantan diluluskan

